

# bulletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara

JULAI - SEPTEMBER 2018

BIL.3/2018

BULETIN JPN KINI LEBIH  
BERINFORMASI! IKUTI  
MEDIA SOSIAL RASMI JPN  
UNTUK PERKEMBANGAN  
TERKINI!

[www.JPN.gov.my](http://www.JPN.gov.my)  
twitter: @JPN\_official  
instagram: @JPN\_official

## LAWATAN MENTERI DALAM NEGERI KE JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

DESIGN THINKING  
JPN 2018

MAJLIS NGILING  
TIKAI DAN RAMAH  
TAMAH HARI RAYA  
2018

PAMERAN  
SEMPENA MALIS  
PELANCARAN  
PROGRAM  
KESIHATAN  
PERGIGIAN  
DENGAN BADAN  
AGAMA KRISTIAN  
PERINGKAT  
KEBANGSAAN



# EDITORIAL

PENAUNG  
YBhg. Dato' Mohd Razin Bin Abdullah  
PENASIHAT  
YBrs. Tuan Mohamad Khir Bin Mat Lazam  
YBrs. Tuan Hj Jasri Bin Kasim  
KETUA EDITOR  
Puan Farra Maya Binti Ahmad Jelani  
PENOLONG KETUA EDITOR  
Zuraini Binti Abdul Karim  
SIDANG PENGARANG BAHAGIAN  
EKA, BKPK, BKW, BPL, BTM, BPM, UKK, UI, BKPK, BPR, BSK.  
JPN NEGERI  
Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, N.Sembilan, Pahang, P.Pinang, Selangor, Terengganu,  
Sabah, Sarawak, WP Kuala Lumpur, WP Labuan.  
JURU GAMBAR  
Amirul Mohamad Sazli Bin Kamaruzaman  
GRAFIK/REKA LETAK  
Mohd Firdaus Bin Mohd Fauzi  
URUSETIA & EDARAN  
Unit Komunikasi Korporat  
TERBITAN  
Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia Ibu Pejabat, No. 20,  
Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Telefon: +603 8000 8000  
Faksimili: +603 8880 8288  
Email: pro@JPN.gov.my  
Web: www.JPN.gov.my

# Kandungan

# bulletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara

- 4.**PENA KETUA EDITOR
- 5.**PERUTUSAN KETUA PENGARAH
- 6.**LAWATAN MENTERI DALAM NEGERI KE JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
- 8.**LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KE BAHAGIAN-BAHAGIAN DI BAWAH SEKTOR OPERASI.
- 10.**KURSUS INOVASI MELALUI
- 10.**DESIGN THINKING JPN 2018
- 12.**PROGRAM SANTAI DESA BERSAMA JPN MELAKA DAN PENGURUSAN TERTINGGI JPN
- 13.**MESYUARAT JKT PASUKAN PETUGAS KHAS (PPK)
- 14.**PERHIMPUNAN BULANAN
- 16.**KURSUS PEMBANGUNAN SISTEM (PENGATURCARAAN JAVA) BAGI PENAMBAHBAIKAN SISTEM ESIJIL
- 17.**JAMUAN RAYA BTM
- 18.**KURSUS PENGGUNAAN SISTEM JPN DATAWAREHOUSE (JPNDW)
- 21.**AKTIVITI CUT OVER DB2 PRODUCTION CONVERSION MODE (CM)
- 22.**SAMBUTAN JAMUAN HARI RAYA JPN NEGERI SELANGOR 2018
- 27.**PERBINCANGAN AHLI-AHLI TRIBUNAL PERKAHWINAN
- 28.**LAWATAN KERJA PENGARAH KE JPN TIOMAN
- 30.**KURSUS TRANSFORMASI KAUNTER SESI 3 ZON TIMUR.
- 31.**LAWATAN PANEL ANUGERAH PERSEKITARAN BERKUALITI KE JPN DAERAH BESUT
- 32.**PERTANDINGAN BOLING SUKAN KUMPULAN MADAH JPN NEGERI MELAKA 2018
- 34.**AMANAT TIMBALAN PENGARAH JPN WPKL KEPADA PEGAWAI JPN WPKL PERTUKARAN DALAMAN
- 36.**SESI TAKLIMAT & PERBINCANGAN SISTEM C.A.R.I
- 37.**KEMBARA MOBILE JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI KEDAH
- 38.**PROGRAM DERMA DARAH MERDEKA 'SETITIS DARAH, SEGUNUNG HARAPAN'
- 39.**BORAK KOPITIAM
- 40.**BENGKEL PELAKSANAAN EPAMENT DI KAUNTER JPN ZON SELATAN
- 42.**MAJLIS NGILING TIKAI DAN RAMAH TAMAH HARI RAYA 2018
- 44.**BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PROSIDUR PERMOHONAN PENGESAHAN TARAF WARGANEGARA DIBAWAH PERKARA 30 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
- 46.**PAMERAN SEMPENA PROGRAM KEMBARA KERJAYA SABAH 2018 ANJURAN JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SABAH
- 47.**RAKYAT DI HATI JPN
- 47.**PROGRAM DAFTAR LEWAT LAHIR DAN KAD PENGENALAN KG PAYA LINTAH, JERANTUT.
- 48.**PROGRAM SIME DARBY 'GOV & YOU'
- 49.**PAMERAN SEMPENA MALIS PELANCARAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN DENGAN BADAN AGAMA KRISTIAN PERINGKAT KEBANGSAAN
- 50.**PROGRAM TAKLIMAT KEWARGANEGARAAN DI PARLIMEN BATU
- 51.**PROGRAM MERDEKA @KOMUNITI PERINGKAT DAERAH HULU LANGAT
- 52.**PROGRAM JEJAK IDENTITI BERSAMA HOSPITAL PERMAI JOHOR
- 53.**PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN JPN PUTRAJAYA
- 56.**BELASUNGKAWA



---

# PENA KETUA EDITOR

Fara Maya Binti Ahmad Jelani  
Ketua Editor

---

**A**lhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi, Buletin JPN Bil.3/2018 berjaya diterbitkan untuk berkongsi maklumat dan aktiviti JPN bagi suku tahun ketiga 2018.

Untuk julung kalinya Buletin JPN tidak lagi dicetak tetapi kali ini diterbitkan secara digital. Selain bagi tujuan penjimatan, Buletin JPN secara digital ini dilihat akan memberikan lebih peluang untuk dibaca dan disimpan oleh kesemua warga JPN memandangkan ia boleh diperolehi melalui intranet JPN.

Dengan perkongsian aktiviti dan program Jabatan seluruh Negara, adalah diharapkan semua warga JPN dapat berkongsi suka duka memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia untuk tatapan kita bersama. Terima kasih kepada barisan penulis artikel dari Bahagian dan Negeri yang telah memberikan komitmen terbaik dalam memastikan Buletin kali ini dapat diterbitkan seperti adanya.

Di kesempatan ini saya turut mengalukan idea bernes dari semua warga JPN untuk memberikan cadangan bagi menambahbaik Buletin JPN di masa akan datang. Sekian.

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

YBhg. Dato Mohd Razin Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Tahniah kepada sidang pengarang dan editor di atas penerbitan Buletin JPN Bil.3/2018. Buletin ini merangkumi pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat dan negeri sepanjang suku tahun ketiga tahun 2018.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2017. Semoga penganugerahan ini menjadi pendorong kepada semua warga kerja yang lain untuk terus berusaha mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja dalam meningkatkan imej JPN.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia marilah kita berterusan menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara walau bulan sambutan kemerdekaan telah berlalu. Sebagai pemegang amanah besar menjaga dokumen pengenalan diri warganegara Malaysia saya menyeru seluruh warga JPN untuk sentiasa memegang teguh amanah Negara, kekal berintegriti dan berkhidmat dengan jujur.

Selain itu, kepada semua warga JPN, teruskan memberi perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada orang ramai. Sebagai kakitangan barisan hadapan, pelbagai isu dan perangai pelanggan yang perlu dihadapi. Walau kadangkala sukar, saya percaya semua petugas kaunter JPN yang telah diberi latihan melalui beberapa siri 'Kursus Etika dan Pengurusan Kaunter (Transformasi Kaunter)' boleh menghadapi pelbagai situasi berkenaan dengan senyuman di bibir. Adalah diharapkan usaha memantapkan lagi petugas kaunter JPN ini akan membawa hasilnya.

Akhir kata, semangat yang kuat mampu mengatasi apa sahaja cabaran yang datang. Selagi kita mencuba dan berusaha, selagi itulah kita akan beroleh apa yang kita hajati. "Rakyat Di Hati JPN".

Sekian.





**LAWATAN KERJA RASMI YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN**

# **MENTERI DALAM NEGERI KE JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin Menteri Dalam Negeri (MDN) telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada 2 Julai 2018 ( Isnin). Turut serta pada lawatan tersebut ialah YB Datuk Mohd. Azis bin Jamman Timbalan Menteri Dalam Negeri (TMDN), YBhg. Dato' Seri Alwi bin Haji Ibrahim Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri serta pegawai-pegawai kanan kementerian dan jabatan.

YB MDN serta dif-dif kehormat telah diberikan taklimat oleh YBhg. Datuk Mohammad Razin bin Abdullah Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (KPPN) mengenai JPN. YB MDN telah memberikan beberapa amanat kepada JPN. Antara amanat yang telah disampaikan oleh beliau ialah memohon JPN mengkaji penggunaan teknologi digital untuk penyimpanan dokumen berkaitan pengenalan di masa akan datang. Selain itu, JPN dicabar untuk mengeluarkan *MyKad* siap dalam tempoh 30 minit tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan kualiti kad tersebut di masa akan datang.

JPN juga dipohon untuk membantu Kerajaan dalam urusan memenuhi manifesto yang telah ditetapkan berkaitan dengan dokumen pengenalan diri terutamanya kepada kaum India. YB MDN juga memohon JPN supaya meningkatkan infrastruktur ICT di Jabatan bagi membantu meningkatkan kelancaran perkhidmatan kepada rakyat. Selain itu juga, YB MDN mengarahkan JPN mengkaji cadangan pelantikan ketua kampung/tuai rumah terutamanya di kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak sebagai pembantu dalam mendaftar kelahiran dan kematian di kawasan masing-masing di masa akan datang.

Secara keseluruhan, lawatan ini telah berjaya memberikan gambaran kepada YB MDN mengenai isu serta cabaran yang dihadapi JPN untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.






# LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KE BAHAGIAN-BAHAGIAN DI BAWAH SEKTOR OPERASI.

Lawatan Timbalan Ketua Pengarah ke bahagian-bahagian di bawah sector operasi telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Mohamad Khir bin Mat Lazim, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan) pada 19 September 2018 bertempat di beberapa bahagian di antaranya ialah:-


- i. Bahagian Kelahiran, kematian dan Anak Angkat,
- ii. Bahagian Kad Pengenalan,
- iii. Bahagian Perkahwinan dan Penceraian,
- iv. Bahagian Kewarganegaraan, dan

v. Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberikan peluang kepada TKPP untuk mengenali dengan lebih dekat pegawai-pegawai yang berada di bahagian-bahagian di bawah sektor operasi. Lawatan ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada TKPP berkenaan urusniaga-urusniaga utama yang dilaksanakan oleh JPN.







# KURSUS INOVASI MELALUI DESIGN THINKING JPN 2018

Kursus Inovasi Melalui Design Thinking JPN Tahun 2018 telah diadakan pada 2 hingga 4 Julai 2018 bertempat di Camar Laut, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Bagan Lalang, Sepang, Selangor. Kursus ini telah dihadiri seramai 30 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada seluruh negeri. Kursus ini telah mendapat bimbingan sepenuhnya daripada penceramah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Objektif kursus ini adalah bertujuan seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan pemahaman dan persediaan peserta bengkel mengenai proses Design Thinking yang boleh diaplikasikan di dalam tugas-tugas harian mereka;
- ii. Meningkatkan tahap persediaan pegawai dan kakitangan JPN dalam penyertaan Inovasi dan KIK samada di peringkat Jabatan, Kementerian dan Antarabangsa;

iii. Mempelajari kaedah dan proses Design Thinking yang terbaik dan berkesan; dan

iv. Menggalakkan idea penciptaan dan penyuburan inovasi di kalangan warga Jabatan dan secara tidak langsung menggalakkan pembudayaan inovasi dalam pelaksanaan proses kerja bagi meningkatkan kecekapan dan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.

Majlis Pembukaan Kursus ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Jasri bin Kasim, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara pada 2 Julai 2018 jam 8.30 malam.

Melalui kursus ini, peserta diberi pendedahan mengenai Design Thinking yang merupakan antara pendekatan di dalam penyelesaian masalah yang memberi fokus kepada keperluan dan kehendak pengguna. Latihan amali melalui tugas-tugas lapangan dan aktiviti dalam kumpulan telah dilaksanakan oleh peserta kursus melibatkan kesemua

lima langkah di dalam Design Thinking iaitu, Empati, Takrifan, Penjanaan Idea, Prototaip dan Ujian. Peserta telah diberi pengalaman untuk merasai kaedah pelaksanaan empati melalui temu bual serta pengujian keberkesanan prototaip dengan orang awam di sekitar kawasan Sepang. Hasil maklum balas orang awam ke atas prototaip yang telah diperolehi oleh kumpulan peserta dibentangkan di dalam kursus secara role play (penceritaan) kepada penceramah dan lain-lain peserta. Sesi soal jawab Q&A turut diadakan selepas pembentangan setiap kumpulan.

Kursus Inovasi Melalui Design Thinking ini merupakan salah satu usaha menyemai budaya inovasi dan kreativiti warga JPN untuk menggalakkan idea serta penghasilan projek inovasi yang dapat memberikan manfaat dan faedah kepada pelanggan serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan secara keseluruhannya.





# **PROGRAM SANTAI DESA BERSAMA JPN MELAKA DAN PENGURUSAN TERTINGGI JPN**

## **SEMPENA BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN ICT**

Pada 22 Julai 2018 Program Santai Desa Jabatan Pendaftaran Negara telah diadakan bersama Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka sempena Bengkel Penambahbaikan Perkhidmatan ICT bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendaftaran Negara di halaman rumah En. Mokhtar Bin Mohamed ( Pembantu Operasi Gred N11) Klebang, Melaka. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim sesama kakitanagan dan juga untuk membina persepaduan bersama-sama Jabatan Pendaftaran Negara.



# MESYUARAT JKT PASUKAN PETUGAS KHAS (PPK)



JPNS telah menganjurkan Mesyuarat bagi Jawatankuasa Tertinggi bagi Pasukan Petugas Khas (PPK) bagi membincangkan isu-isu berkaitan dokumen pengenalan diri telah diadakan pada 3.7.2018 bertempat di Bilik Amanah JPNS dan dihadiri oleh semua AJK tertinggi bagi PPK. Mesyuarat dihadiri oleh barisan panel daripada pelbagai agensi dengan dipengerusikan oleh Tuan Jasni bin Jubli, Pengarah JPN Negeri Sarawak. Mesyuarat turut dihadiri Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Ketua-ketua Bahagian, Ketua Pejabat Cawangan serta kakitangan JPN Sarawak.



# PERHIMPUNAN BULANAN



Perhimpunan Bulanan JPN bagi bulan Ogos telah diadakan pada 28 Ogos 2018 (Selasa) jam 9.00 pagi, bertempat di Balora Perdana. Jumlah peserta seramai 350 orang dan tema program ialah "Hari Kemerdekaan". Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Jasri bin Kasim TKPPN (P). Perhimpunan kali ini adalah kerjasama di antara Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Bahagian Kad Pengenalan.

Beberapa program pengisian telah dimasukkan antaranya tayangan Montaj Imbasan Aktiviti JPN sepanjang bulan Julai dan Ogos. Antara program lain ialah Taklimat Skim Simpanan dan Kesihatan Kelompok oleh wakil CUEPACS, Penyampaian Replika Cek kepada Waris En. Muhammad bin Mohd Arshad dan Sijil Penghargaan Perekam Baju Korporat JPN.



Perhimpunan Bulanan JPN bagi bulan September telah diadakan pada 28 September 2018 (Jumaat), majlis bermula jam 8.00 pagi, bertempat di Balora Perdana. Jumlah peserta seramai 350 orang dan tema program ialah "Hari Malaysia". Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah (KPPN). Perhimpunan kali ini adalah kerjasama di antara

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Bahagian Kewarganegaraan.

Beberapa program pengisian telah dimasukkan antaranya tayangan Montaj Imbasan Aktiviti JPN sepanjang bulan Julai dan Ogos. Antara program lain ialah Taklimat Takaful 1JPN oleh wakil TAKAFUL MALAYSIA, Penyampaian Sijil Anugerah Pelaksana ePayment Cemerlang bulan Ogos 2018, Sesi Penyampaian Hadiah Program Perpustakaan:-

- i) Pengunjung Aktif Perpustakaan JPN,
- ii) Pembaca Aktif Perpustakaan JPN (Kategori Buku Agama, Kategori Novel), dan
- iii) Pembaca Aktif Perpustakaan JPN dan Bahagian Aktif bagi Penyertaan "Library on Wheels"



# PROGRAM MAAL HIJRAH 1440H/ 2018M



Program Maal Hijrah 1440H/2018M telah diadakan pada 10 September 2018 ( Isnin ) mulai jam 5.00 petang di Masjid Wilayah Kuala Lumpur. Seramai 50 orang peserta telah hadir majlis tersebut. Majlis Maal Hijrah ini telah dirasmikan oleh DYMM SPBYDA XV Sultan Muhammad V dan tema bagi tahun ini ialah "Menyantuni Umat Membawa Berkat". Penganjur program ini bersama JAKIM.

## LAWATAN PENANDAARASAN EKSA DARI AGENSI LUAR

Pada 7 Ogos 2018, JPN telah menerima Lawatan Penandaarasan EKSA dari dua (2) agensi iaitu Pusat Teknologi Maklumat, UKM dan Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM.

Tujuan lawatan EKSA adalah sebagai platform JPN untuk berkongsi maklumat dan amalan terbaik berkaitan EKSA kepada pasukan agensi pelawat. Secara tidak langsung lawatan ini juga merupakan usaha jawatankuasa memastikan bahagian/ zon di Ibu Pejabat JPN Putrajaya sentiasa berada di dalam keadaan bersih,

kemas dan kondusif.

Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat EKSA oleh Encik Syafiq Akmal bin Jumadi (Jawatankuasa Kecil Audit JPN Putrajaya) seterusnya sesi soal jawab antara agensi dan disusuli dengan lawatan ke bahagian/zon. Pada sesi akhir lawatan peserta diminta untuk mengisi borang maklum balas EKSA JPN turut diadakan sesi penyerahan cenderahati dan sesi bergambar bersama pasukan agensi pelawat.



# KURSUS PEMBANGUNAN SISTEM (PENGATURCARAAN JAVA) BAGI PENAMBAHBAIKAN SISTEM ESIJIL



Kursus Pembangunan Sistem (Pengaturcaraan Java) Bagi Penambahbaikan Sistem eSijil telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) pada 4 - 5 September 2018, 18 - 19 September 2018 dan 25 - 26 September 2018 di Bilik Latihan 1, BTM. Kursus selama 6 hari ini telah dihadiri oleh 6 orang peserta yang terdiri daripada Sub-Unit E-Sijil, Unit Transformasi & Integrasi, BTM. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman pengaturcaraan Java khusus bagi penambahbaikan keperluan sistem E-Sijil.

## AKTIVITI PENGUJIAN PEMULIHAN BENCANA JPN BIL. 2/2018

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTM) telah mengadakan aktiviti Pengujian Pemulihan Bencana Bil. 2/2018 pada 14 September 2018. Pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk memastikan sistem komputer utama di Ibu Pejabat JPN dapat dipulihkan berdasarkan kepada Pelan Pemulihan Bencana yang telah disediakan. Melalui aktiviti ini juga tahap ketersediaan dan tempoh masa pemulihan sebenar dapat diketahui. Pada hari tersebut selain dari tujuh (7) Server Bahagian yang terlibat, sebanyak empat (4) cawangan telah terpilih iaitu Cawangan-JPN Georgetown, Pulau Pinang, JPN Temerloh, Pahang, JPN Seri Kembangan, Selangor dan JPN Jelebu, Negeri Sembilan. Aktiviti yang bermula pada jam 6.00 petang tersebut telah tamat pada jam 11.00 malam.



Taklimat  
Pembukaan  
Aktiviti DR



Aktiviti DR  
Berlangsung

# TECHNOLOGY UPDATE: ELECTRONIC PROJECT MANAGEMENT OFFICE (ePMO)



Sesi Technology Update: Electronic Project Management Office (ePMO) telah diadakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) pada 21 September 2018 di Kamar MyJPN, Aras 4, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM). Sesi ini telah dihadiri oleh 9 orang pegawai BTM yang terdiri daripada pelbagai unit khasnya Unit Pengurusan Projek, Kualiti & Latihan (UPPKL), Unit Pengurusan Hos Pangkalan Data & Biometrik (Team AFIS dan HOS), Unit Pengurusan Teknikal (UPT) dan Pasukan Kajian Projek Pembangunan Semula Sistem ICT JPN. Sesi ini telah disampaikan oleh pihak syarikat The eCEOs Sdn Bhd.. Para pegawai telah diberi pendedahan mengenai perisian dan penggunaan aplikasi ePMO dalam menguruskan projek.

## JAMUAN RAYA BTM



Majlis Sambutan Aidilfitri Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTM) Tahun 2018 telah dianjurkan oleh Kelab BTM pada 3 Julai 2018 bertempat di Dewan Balora Perdana, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Majlis yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi ikatan silaturrahim warga BTM ini turut dihadiri pegawai atasan JPN. Program ini juga turut diserikan dengan penyampaian sumbangan kelab kepada pegawai, sambutan hari lahir pegawai serta penyampaian hadiah aktiviti Kelab BTM.



# KURSUS PENGGUNAAN SISTEM JPN DATAWAREHOUSE (JPNDW)

Kursus Penggunaan Sistem JPN Datawarehouse telah di adakan pada 18 & 19 Julai 2018 di Bilik Latihan Bahagian Teknologi Maklumat, JPN Putrajaya. Kursus yang dihadiri oleh seramai 42 pegawai JPN dari semua cawangan JPN. Objektif kursus adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai JPN mengenai Sistem JPN Datawarehouse.

Sistem JPN Datawarehouse merupakan repositori berpusat yang mengumpulkan data dari sumber data utama JPN bagi menjana data, laporan dan statistik yang lebih konsisten. Terdapat 14 modul urusniaga utama iaitu Kad Pengenalan, kelahiran, MyKid, Kematian, warganegara, Perkahwinan Dan Perceraian, Kutipan Hasil, Anak Angkat, Perkongsian Maklumat, MyIdentity, eMobile, CUID, ICSC dan Transaksi Kaunter JPN.



Sesi bergambar



Sesi taklimat

## BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN ICT BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA



Bengkel Penambahbaikan Perkhidmatan ICT Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendaftaran Negara telah diadakan pada 21 Julai 2018 hingga 23 Julai 2018 yang merupakan satu sesi perbincangan dua hala dan pertemuan antara Pengurusan Tertinggi JPN dan pasukan teknikal. Objektif bengkel ini adalah untuk membentangkan status terkini Polisi

Keselamatan Siber JPN, memberi taklimat berkenaan tanggungjawab dan peranan pengguna serta semua pihak yang terlibat dengan keselamatan JPN dan juga membuka ruang diskusi dan perbincangan antara kedua-dua pihak bagi mendapatkan maklumbalas daripada pengurusan tertinggi berkaitan penambahbaikan yang dilaksanakan BTM.





## PROGRAM GOTONG ROYONG MEGA 1.0 PERANGI AEDES

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengadakan Program Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes di Peringkat JPN bertempat di Bangunan Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Program ini melibatkan semua Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat Putrajaya. Program ini telah disempurnakan oleh Encik Badrul Badrul Hisham bin Alias, Pengarah Bahagian Kad Pengenalan. Hebatnya mengenai program ini turut dilaksanakan melalui emel, siar raya

dan poster.

Antara slot-slot lain yang turut dijalankan adalah Taklimat Ringkas ‘Perangi Aedes’ yang disampaikan oleh Dr. Sarah Binti Paat, Pegawai Perubatan, Pejabat Kesihatan Putrajaya serta pembukaan kaunter pameran mengenai nyamuk aedes, penyakit denggi dan lain-lain oleh Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Pejabat Kesihatan Putrajaya.

Antara kerja-kerja yang dilakukan sepanjang tempoh gotong-royong tersebut adalah pembersihan kawasan pejabat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes seperti longkang, kawasan timbunan barang-barang, pas-pasu bunga, tempat tadahan air yang bertakung. Ubat pembasmi nyamuk aedes dan jentik-jentik juga dibekalkan oleh Pejabat Kesihatan Putrajaya untuk ditaburkan ke kawasan air yang bertakung.

## AKTIVITI ON LOAD TEST GREEN DATA CENTRE (GDC)



Aktiviti On Load Test bagi infrastruktur elektrikal GDC telah dijalankan pada 18 hingga 19 Ogos 2018 bagi memastikan tidak terdapat gangguan pada operasi GDC Jabatan Pendaftaran Negara. Aktiviti yang dijalankan melibatkan pihak BPM, BTM, JKR, Kontraktor GDC dan Penyelenggara Bangunan.

## AKTIVITI CUT OVER DB2 PRODUCTION NEW FUNCTION MODE (NFM)



Aktiviti Cut Over Sub-sistem DB2 Production New Function Mode (NFM) adalah kesinambungan aktiviti cut over sub-sistem DB2 Production Conversion Mode (CM)

pada 3-4 Ogos yang lalu. Aktiviti ini yang dijadualkan pada 31 Ogos 2018 ini bermula pada jam 3 petang dan berakhir pada jam 9.30 malam yang melibatkan kakitangan BTM dari Seksyen Pengurusan Pusat Data (SPPD), Seksyen Aplikasi (SA), Seksyen Keselamatan & Teknikal ICT (SKTI) bersama petugas kaunter dari Bahagian Kad Pengenalan (BKP), Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat (BKA), Bahagian Perkahwinan dan Perceraian (BKC) dan juga Bahagian Warganegara (BWN).

# TAKLIMAT KEBAKARAN DALAM BANGUNAN JPN TAHUN 2018 DARIPADA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA PUTRAJAYA KEPADA KAKITANGAN JPN.



Taklimat Keselamatan Kebakaran dalam bangunan telah diadakan bertempat di Dewan Balora Perdana, JPN Putrajaya. Taklimat ini berkaitan langkah pencegahan apabila berlakunya kebakaran di tempat kerja, di rumah dan lain-lain tempat.

Seramai 100 orang warga JPN

telah menghadiri taklimat tersebut. Peserta yang hadir telah mendedahkan topik yang berkaitan seperti kimia kebakaran, punca-punca haba boleh berlaku, jenis-jenis bahan api, istilah kebakaran dan faktor-faktor yang menyebabkan api merebak. Antara objektif taklimat ini diadakan adalah:-

- i. Pendedahan dan kesedaran tentang bahayanya kebakaran dan tindakan pencegahan yang perlu diambil.
- ii. Pendedahan membolehkan tindakan proaktif diambil untuk melindungi nyawa dan harta benda daripada risiko berlaku perkara yang tidak diingini.

## LATIHAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN KALENDAR E-MEL MYGOVUC UNTUK PENEMPANAH BILIK MESYUARAT DAN LATIHAN SESI 1 & 2

Latihan Penggunaan Kemudahan Kalendar E-Mel MyGovUC Untuk Penempahan Bilik Mesyuarat Dan Latihan Sesi 1 & 2 telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) pada 27 Ogos 2018 di Bilik Latihan 1, BTM. Siri 1 diadakan pada sebelah pagi manakala Siri 2 diadakan pada sebelah. Latihan dihadiri oleh seramai 40 orang pegawai BTM. Objektif latihan ini adalah untuk memberikan pendedahan kaedah penggunaan kemudahan Kalender E-Mel MyGovUC untuk penempahan bilik mesyuarat dan latihan bagi menggantikan Sistem Penempahan Bilik Mesyuarat sedia ada



# TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN ISO/IEC 27001:2013 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) BIL. 1 TAHUN 2018



Taklimat Kesedaran ISMS Bil 1/2018 telah diadakan pada 7 Ogos 2018 bertempat di Balora Perdana. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(BTM) dan Bahagian Kad Pengenalan (BKP). Taklimat ini dihadiri oleh 71 orang peserta dari BTM, Bahagian Kad Pengenalan (BKP), Bahagian Pusat Pengurusan Rekod (BPPR) dan Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna

Kerajaan (BKPK). Objektif bengkel adalah untuk memberi pendedahan dan peringatan berkaitan aspek-aspek keselamatan ICT yang perlu difahami dan dipatuhi oleh setiap individu jabatan.

## AKTIVITI CUT OVER DB2 PRODUCTION CONVERSION MODE (CM)



Aktiviti Cut Over Sub-sistem DB2 Production Conversion Mode (CM) merupakan salah satu daripada aktiviti peningkatan perisian dalam Kerangka Utama yang dijadualkan pada tahun 2018 seperti terkandung dalam kontrak penyelenggaraan Bisnes Utama ICT (BUICT). Aktiviti ini yang dijadualkan pada 3 dan 4 Ogos 2018 ini bermula pada jam 11 malam dan berakhir pada jam 5 pagi yang melibatkan kakitangan BTM dari Seksyen Pengurusan Pusat Data (SPPD), Seksyen Aplikasi (SA), Seksyen Keselamatan & Teknikal ICT (SKTI) bersama petugas kaunter dari Bahagian Kad Pengenalan (BKP), Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat (BKA), Bahagian Perkahwinan dan Perceraian (BKC) dan juga Bahagian Warganegara (BWN).

## BENGKEL PEMULIHAN BENCANA JPN



Bengkel Pemulihan Bencana, BTM telah diadakan pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2018 bertempat di Kamar Anjung Sidang Terbilang, JPN Putrajaya. Bengkel ini diadakan bagi memantapkan kefahaman Pengurusan BTM dan ahli pasukan berhubung pelaksanaan aktiviti pemulihan bencana dan penambahbaikan dokumen berkaitan. Bengkel ini melibatkan peserta yang terdiri daripada warga BTM dalam Pasukan Pemulihan Bencana.

# SAMBUTAN JAMUAN HARI RAYA JPN NEGERI SELANGOR 2018



Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri 2018 anjuran Kelab MADAH JPN Negeri Selangor telah diadakan pada 15 Julai 2018 bertempat di Bangunan UMNO , Shah Alam.

Majlis ini diadakan setiap tahun bagi meraikan semua kakitangan JPN Negeri Selangor serta keluarga masing-masing untuk tujuan memupuk silaturrahim diantara satu sama lain. Sempena hari yang mulia itu berbagai juadah telah disediakan untuk tetamu yang hadir disamping diadakan juga cabutan nombor

bertuah bagi memeriahkan lagi suasana.

Kehadiran Dato' Mohammad Razin Bin Abdullah iaitu Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (KPPN) bersama isteri turut menceriakan lagi majlis tersebut. Beberapa Pegawai kanan daripada agensi / pejabat kerajaan Negeri Selangor juga diundang sama seperti Jabatan Imigresen (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertujuan merapatkan lagi ukhwah diantara agensi.



## TAKLIMAT BHG SIASATAN DAN PENGUATKUASAAN



Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK) telah mengadakan Program Taklimat mengenai Peranan dan Fungsi Bahagian siasatan dan Penguatkuasaan bertempat di Bilik Mesyuarat JPN Negeri Selangor bermula pada 8.00 pagi hingga 1.30 tengahari.

Taklimat ini telah disampaikan oleh

Pegawai dari Bahagian siasatan dan penguatkuasaan iaitu Encik Mohd. Zaidi Bin Ibrahim dan dibantu oleh Encik Hishabmudin Bin Abu Yazit mengenai peranan dan fungsi bahagian siasatan.

Taklimat tersebut juga telah dirasmikan oleh Pengarah JPN Negeri Selangor iaitu Encik Zahroilail Bin Zainal.

Tujuan taklimat berkenaan adalah untuk memastikan kakitangan JPN sentiasa berwaspada ketika berurusan dikaunter supaya lebih berintegriti dalam melaksanakan tugas yang melibatkan urusniaga jabatan.

Hasil dari kursus tersebut, kakitangan mendapat ilmu dan pengetahuan sewajarnya untuk memerangi sindiket pemalsuan dokumen yang begitu berleluasa pada masa ini.

## SESI LATIHAN (FIRE DRILL) DI PLAZA MASALAM



Pada 4 April 2018 (Jumaat) Pihak pengurusan bangunan iaitu Plaza Masalam telah mengadakan satu latihan kebakaran (Fire Drill) bersama warga JPN Shah Alam dan beberapa agensi lain telah turut serta.

Tujuan latihan diadakan adalah untuk memastikan jika berlaku nya kecemasan seperti kebakaran, iaanya dapat di tangani dengan segera dan selamat.

# KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BIL 1/2018



Kursus Pengukuhan Pasukan Bil. 1/2018 telah diadakan pada 17 hingga 20 September 2018 bertempat di Intan Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor. Kursus ini dihadiri oleh seramai 45 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) dari pelbagai skim dan gred pada tahun 2018.

Program ini akan diadakan selama 4 hari 3 malam dan dilaksanakan sepenuhnya oleh penceramah dan fasilitator dari Institut Tadbir Awam Negara (INTAN). Secara keseluruhannya, kursus ini sangat memberi manfaat kepada peserta yang hadir. Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk meningkatkan motivasi dan semangat kerja



berpasukan di kalangan pegawai dan kakitangan JPN WPKL. Kursus ini juga mewujudkan jaringan perhubungan yang harmoni di antara kakitangan JPN WPKL tanpa mengira Bahagian/ Cawangan dan juga mengukuhkan jati diri serta sifat kepunyaan di kalangan warga JPN WPKL.

## TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI SELANGOR



Satu Taklimat Kesedaran Keselamatan Perlindungan telah diadakan selama 2 hari bermula pada 19-20 September 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat JPN Negeri Selangor. Puan Dayang Munira Binti Bukari

Penolong Pegawai Keselamatan KP29 daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Selangor telah menyampaikan ceramah tersebut. Semua kakitangan telah

diberi kesedaran supaya lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan dokumen pejabat seperti penyimpanan fail dan dokumen terperingkat agar lebih teratur dan selamat.

# PROGRAM GOTONG ROYONG MEGA 1.0 PERANGI AEDES 2018



Bertempat di Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Pendang, Program Gotong Royong Mega 1.0 Perangi Aedes 2018 telah berlangsung. Pejabat Daerah ini dipilih bagi mewakili JPN Negeri Kedah kerana ianya bangunan sendiri yang mempunyai bangunan pejabat dan rumah kakitangan. Tuan Yusman Hambali bin Ahmad, Pengarah JPN Negeri Kedah turun padang bersama bagi membersihkan persekitaran kawasan JPN Daerah Pendang. Tujuan utama program adalah untuk menyemai amalan menjaga kebersihan terutamanya kepada persekitaran yang terdedah kepada pembiakan nyamuk aedes. Selain itu, program ini mampu memupuk semangat kerjasama berpasukan antara kakitangan JPN Kedah.

## SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT JPN NEGERI KEDAH



Pada Syawal ke-22 telah diadakan sambutan jamuan Hari Raya Aidilfitri peringkat JPN Negeri Kedah bertempat di Dewan Serbaguna KDN Anak Bukit. Majlis itu dihadiri oleh semua kakitangan JPN Kedah bersama ahli keluarga. Turut hadir menyerikan majlis, bekas Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara iaitu Dato' Mohd Yazid bin Ramli bersama keluarga dan bekas Pengarah-pengarah JPN Kedah yang pernah berkhidmat di JPN Kedah. Tetamu kehormat yang lain

seperti Pengarah Imigresen Kedah Tuan Zuhair bin Jamaludin dan Pengarah ROS Kedah. Bagi memeriahkan lagi majlis itu, diadakan beberapa kategori pertandingan seperti gerai tercantik, pertandingan baju tercantik dan gerai termeriah serta pemberian duit raya kepada kanak-kanak yang hadir disampaikan oleh Pengarah JPN Kedah, Tuan Yusman Hambali Bin Ahmad. Majlis berlangsung dengan suasana cukup meriah.

## ENGLISH COURSE V.3



Program Bahasa Inggeris ,SmartEnglish: Speak and Write With Confident telah diadakan pada bulan ogos iaitu pada 1 ogos 2018 bermula jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari bertempat di Bilik Mesyuarat Utama ,Aras 3 Bangunan Persekutuan Jalan Anson ,10400, Pulau Pinang.Seramai 33 orang kakitangan JPN Pulau Pinang telah terlibat dengan program ini.Seorang guru iaitu Miss Yeap Meng Chee dari Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang telah dijemput sebagai tenaga pengajar di dalam program tersebut.Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan cara yang betul dalam penggunaan Bahasa Inggeris terutama ketika berurusan dengan pelanggan. Sepanjang program ini dijalankan beberapa aktiviti telah dilaksanakan antaranya ialah 'Public Speaking','Composition Writing' dan 'Quiz'.Program tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada semua peserta dan ia juga berjaya meningkatkan keyakinan peserta untuk berbicara di dalam Bahasa Inggeris.

## LAWATAN AUDIT INOVASI KAUNTER



Program untuk anugerah perkhidmatan kaunter terbaik 2018,Hari Inovasi Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia 2018 diadakan pada 2 Ogos 2018 bermula jam 9 pagi Di Jabatan Pendaftaran Negara,Negeri Pulau Pinang, Aras 3 Bangunan Persekutuan,Jalan Anson

10400 Georgetown Pulau Pinang Majlis berkenaan dipengerusikan oleh Puan Nur Zulfa Binti Ibrahim, Pengarah Pendaftaran Negeri Pulau Pinang. Program ini diadakan meraikan hari inovasi Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia 2018,bagi anugerah perkhidmatan

kaunter terbaik 2018 - kategori ibu pejabat JPN negeri.Majlis dimulakan dengan pembentangan/ tayangan slaid AIJPN perkhidmatan kaunter terbaik JPN Georgetown,Pulau Pinang oleh Encik Mohd Samsul Ariffin Bin Ahmad Zawawi pada jam 9.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari.Ahli panel AIJPN perkhidmatan kaunter terbaik 2018,kemudiannya dibawa untuk lawatan sekitar pejabat JPN Georgetown,Pulau Pinang.Lawatan tersebut selesai kira-kira jam 2.30 petang.Majlis penutup diadakan sejurus saja lawatan selesai dan ketua panel anugerah perkhidmatan kaunter terbaik 2018,Encik Nazrifairuz Bin Mahmud(Timbalan Pengarah M44,JPN Negeri Pahang) memberikan ulasan keseluruhan berkenaan AIJPN perkhidmatan kaunter terbaik-JPN Georgetown Pulau Pinang.

# SESI DIALOG PENYELENGGARAAN URUSNIAGA UTAMA JPN BIL 2/2018



Pada 6 Ogos 2018 diadakan dialog penyelarasan urus niaga utama Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia siri 2/2018 bertempat di Dewan serbaguna Aras 1 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. Penglibatan seramai 86 orang merangkumi 27 orang dari ibu

pejabat manakala 59 orang terdiri daripada wakil-wakil negeri yang terlibat. Dialog ini diadakan bertujuan untuk membincangkan isu-isu urus niaga jabatan secara interaktif bersama-sama ketua pengarah pendaftaran negara (KPPN) dengan wakil-wakil pejabat JPN seluruh

Negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak. Sesi dialog urus niaga utama JPN ini dilaksanakan bertujuan untuk memastikan arahan-arahan terkini berhubung urus niaga utama JPN disampaikan secara terus kepada warga JPN yang bertugas di peringkat Negeri/Cawangan/Daerah bagi memastikan keseragaman pelaksanaan proses kerja. Seterusnya, dialog ini juga bertujuan untuk menggalakkan individu dari peringkat akar umbi terlibat dalam menyalurkan sebarang cadangan penamaan/isu/masalah secara komited, berterusan dan berkesinambungan serta melahirkan warga kerja telus demi kepentingan tugas dan jabatan. dialog penyelarasannya urus niaga utama juga meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan JPN supaya lebih berketerampilan dan berdaya saing selaras dengan seruan transformasi kerajaan.

## BENGKEL BERKAITAN PROSIDUR KEWARGANEGARAAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI PULAU PINANG

Bengkel prosidur kewarganegaraan Malaysia diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan kepada peserta-peserta berkaitan prosidur penerimaan permohonan di kaunter di samping memantapkan pengetahuan para peserta berkaitan undang-undang dan prosidur kewarganegaraan. Bengkel ini telah berlangsung selama 2 hari iaitu 14 & 15 Ogos 2018 dan telah disampaikan oleh Encik Nur Azri Aizat Bin Abdul Rahim, Pegawai Pendaftaran KP42 dari Bahagian Kewarganegaraan Ibu Pejabat, JPN Putrajaya. Bengkel ini melibatkan seramai 25 orang kakitangan JPN dari seluruh Negeri Pulau Pinang.

## PROGRAM PERARAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



Pada 31 Ogos 2018 telah diadakan Perarakan Sempena Hari Kebangsaan Tahun 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang bertempat di Padang Kota Lama Pulau Pinang. Perarakan ini membabitkan seramai 49 kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Seluruh Negeri Pulau Pinang. Kakitangan yang dilantik sebagai peneraju utama dalam Kontinjen Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang ialah En. Mohamad Ruslin Bin Darus sebagai Ketua Kontinjen Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang.

## PERBINCANGAN AHLI-AHLI TRIBUNAL PERKAHWINAN

Majlis Persidangan Ahli-Ahli Tribunal Perkahwinan ini telah dihadiri oleh seramai 33 orang peserta yang masing-masing terdiri daripada 25 orang ahli kakitangan JPN dari seluruh Negeri Pulau Pinang dan 8 orang ahli badan sukarela (NGO). Taklimat kaunseling perkahwinan telah disampaikan oleh Puan Badrizawati Binti Mohamad Zaki, Pegawai Psikologi yang telah dijemput khas daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Ibu Pejabat LPPKN Kepala Batas Pulau Pinang. Taklimat ini berlangsung sehingga jam 12.00 tengah hari disusuli dengan sesi soal jawab.

## PEMBENTANGAN INOVASI, KURSUS KAUNTERCZON UTARA) & LAWATAN RASMI TIMBALAN KETUA PENGARAH KE BERTAM

Satu Kursus Pengurusan Kaunter (Transformasi Kaunter) bil 6/2018 di bawah anjuran Bahagian Latihan JPN Ibu Pejabat Putrajaya telah diadakan di Bangunan Persekutuan Seberang Perai Utara Kepala Batas, Pulau Pinang. Kursus ini melibatkan seramai 44 orang kakitangan JPN dari seluruh Zon Utara. Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan), YBrs Tuan Haji Jasri Bin Kasim. Program ini berlangsung selama 2 hari

## BACAAN YASSIN & GOTONG ROYONG PERDANA



Program gotong royong perdana Bil 2/2018 & bacaan yassin telah diadakan pada 13 Julai 2018 bermula jam 10 pagi sehingga 1.00 petang. Program ini turut diadakan serentak di seluruh JPN Daerah dan Cawangan Pulau Pinang. Program bacaan yassin telah diadakan di bilik gerakan Bangunan Persekutuan Jalan Anson Pulau Pinang jam 8.30 pagi. Bacaan yassin ini diketuai oleh Encik Muhamad Nizam bin Shaik Jalal Din. Program

ini bertujuan untuk memperkuuh rohani di kalangan kakitangan dan memberikan kesejahteraan kepada jabatan dalam melaksanakan tugas harian kepada pelanggan. Program gotong royong perdana telah dilaksanakan bermula jam 10.00 pagi. Program ini adalah bertujuan untuk membuat persediaan sempena anugerah persekitaran berkualiti jabatan yang akan diadakan pada 19 Julai 2018.

## KURSUS AWESOME

Ceramah ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang berkenaan kepentingan komunikasi Interpersonal dan cara-cara meningkatkan prestasi kerja. Ceramah ini disampaikan oleh Mohd Adib Bin Abdul Aziz, Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44 dari Jabatan Perkhidmatan Awam. Seramai 50 peserta telah menghadiri ceramah ini. Peserta terdiri daripada kumpulan pelaksana. Program tersebut berlangsung dengan jayanya.

## PROGRAM TRANSFORMASI 360: FROM GOOD TO GREAT

Program transform 360: FROM GOOD TO GREAT telah diadakan pada 30 dan 31 Julai 2018 bertempat di JPN Pulau Pinang. Program ini dikendalikan oleh En. Mohd Faisal Bin Idris, Pegawai Psikologi S44 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Dalam Negeri. Seramai 59 orang kakitangan telah menyertai program ini. Objektif utama program ini adalah membantu meningkatkan kesedaran para peserta berhubung dengan mengenal pasti fikiran tidak rasional yang menyumbang kepada emosi negative dan membantu para peserta untuk melihat setiap masalah yang dihadapi dari pelbagai perspektif yang berbeza.

# PERHIMPUNAN BULANAN DAN SESI DIALOG BIL 3/2018



Pihak Pengurusan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah mengadakan Program Perhimpunan Bulanan dan Majlis Dialog Bil 3/2018 pada 2 September 2018 (Ahad) bertempat di Bilik Mesyuarat JPN Negeri Terengganu. Urusetia perhimpunan bulanan kali ini ialah daripada Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat. Program ini dirasmikan oleh Encik Mohamad Nasir Bin Kareem Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu.

## LAWATAN PANEL INOVASI KAUNTER TERBAIK

Pada 1 Ogos 2018 yang lalu, JPN Kuantan telah menerima lawatan panel Inovasi Kaunter Terbaik yang diketuai oleh Penolong Pengarah BKA Puan Marsheila binti Salamat. Panel telah diberikan taklimat oleh Pengarah dan melawat sekitar kawasan pejabat JPN Kuantan. Panel mengucapkan jutaan tahniah kepada ahli kumpulan kerana telah menghasilkan beberapa inovasi kepada jabatan.



## LAWATAN KERJA PENGARAH KE JPN TIOMAN

Pada 11 hingga 13 Ogos 2018 Puan Pengarah JPN Pahang, Timbalan Pengarah JPN Pahang dan beberapa kakitangan JPN Pahang telah turun ke JPN Pulau Tioman bagi membuat lawatan kerja. Tujuan utama lawatan ini adalah ingin berjumpa dan memberi taklimat tentang tugas JPN dengan Penghulu Pulau Tioman dan semua Ketua-Ketua Kampung dalam Pulau tersebut.





## GOTONG ROYONG PERDANA KOMPLEKS KDN KUANTAN

Pada 20 Ogos 2018 beberapa kakitangan JPN Pahang telah menyertai Gotong Royong Perdana Kompleks KDN Kuantan. Program ini telah disertai ramai kakitangan dari pelbagai agensi Kompleks KDN Kuantan.

Puan Pengarah JPN Pahang, Puan Juzilawati binti Kamarudin dan Timbalan Pengarah turut turun padang bagi mengikuti program tersebut. Untuk taklimat ringkas bagi pembahagian kawasan seliaan telah disampikan oleh Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan JPN Pahang. Matlamat utama program tersebut agar dapat membersihkan kawasan sekitar kompleks KDN disamping membentera tempat pembiakan nyamuk aedes.



Pada 14 Julai 2018 beberapa kakitangan JPN Pahang telah menyertai Bintara Fun Run anjuran Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kuantan Pahang. Sejak akhir-akhir ini program larian jarak jauh amat digemari oleh pelari-pelari sekitar Kuantan termasuk kakitangan JPN Pahang.

Pertandingan ini juga disulami dengan kemanisan kerana ada pelari dari JPN Pahang telah mendapat 10 pelari pantas untuk larian jarak 7 kilometer.

## BINTARA FUN RUN 2018

## JAMUAN RAYA JPN KUANTAN

Pada 6 Julai 2018 JPN Kuantan telah mengadakan Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Aras bawah Kompleks KDN. Semua unit telah menyediakan pelbagai juadah makanan untuk dinikmati bersama.

Semua kakitangan dari pelbagai Jabatan dalam Kompleks KDN telah dijemput bagi memeriahkan majlis. Untuk menceriakan lagi Jamuan tersebut, telah diadakan pertandingan gerai tercantik. Puan Pengarah JPN Pahang telah menyampaikan hadiah kepada wakil Unit Kewangan JPN Pahang kerana telah mendapat gerai tercantik dan terbaik.



## KURSUS TRANSFORMASI KAUNTER SESI 3 ZON TIMUR.

Pada 24 dan 25 Julai 2018 telah dilaksanakan Kursus Transformasi Kaunter Sesi 3 Zon Timur bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Indera Mahkota, Kuantan. Seramai 45 orang kakitangan dari zon timur iaitu dari negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Kursus tersebut lebih menjurus kearah transformasi petugas kaunter JPN dalam berurusan dengan pelanggan. Jawatan Kuasa Pelaksana adalah terdiri dari ketiga-tiga Zon Timur. En Khalil Anwar bin Alias, Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan JPN Pahang telah hadir bagi merasmikan majlis penutup kursus tersebut.



## MAJLIS RINGKAS PERSARAAN

Pada 16 Julai 2018 telah diadakan majlis ringkas sempena persaraan En. Md Sidek bin Osman (bersara wajib) dan bertugas di Unit Rekod Kelahiran, Kematian & Anak Angkat JPN Pahang. Beliau telah berkhidmat lebih 30 tahun dalam perkhidmatan di Jabatan Pendaftaran Negara.

Beliau juga merupakan pemain ping pong terbaik yang pernah dimiliki oleh JPN Pahang. Ketiadaannya pasti amatlah dirasai bagi pasukan ping pong JPN Pahang. Selamat maju jaya En. Md Sidek dan selamat bersara.



# KURSUS ETIKA DAN PENGURUSAN KAUNTER (TRANSFORMASI KAUNTER) BIL.17/2018



Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah mengadakan Kursus Etika dan Pengurusan Kaunter Bil.17/2018 pada 14-15 Ogos 2018 (Selasa & Rabu) bertempat di UTC Paya Bunga Square Kuala Terengganu . Turut hadir merasmikan majlis penutup kursus ialah Pengarah JPN Negeri Terengganu iaitu Encik Mohamad Nasir Bin Kareem.

## LAWATAN PANEL ANUGERAH PERSEKITARAN BERKUALITI KE JPN DAERAH BESUT



JPN Daerah Besut telah diaudit oleh Panel Anugerah Inovasi Persekitaran Berkualiti pada 9 Ogos 2018 (Khamis). Panel Audit yang terlibat adalah Encik Mohamad Naaim Bin Mat Noor (JPN Putrajaya) dan Puan Suhaira Binti Sh.Miasin (JPN Sabah).

## LAWATAN PANEL ANUGERAH PERSEKITARAN BERKUALITI KE JPN DAERAH BESUT

Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Terengganu telah menyertai Kursus Etika Pengurusan Kaunter Peringkat Zon Timur pada 2-3 Julai 2018 ( Isnin-Selasa) bertempat di UTC Paya Bunga Square Kuala Terengganu bermula jam 8.00 pagi. Turut hadir Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu bagi merasmikan sesi penutup siri 1Kursus Etika Pengurusan Kaunter.

Sesi taklimat yang disampaikan oleh Puan Marsheila Binti Salamat



# BENGKEL KETRAMPILAN IMEJ DIRI & TEKNIK SOLEKAN

Peserta Melakukan Sendiri  
Teknik Solekan Yang  
Diajar Secara Praktikal



Pada 06 September 2018 Biro Sosial Dan Publisiti Madah Cawangan JPN Melaka telah menganjurkan Bengkel Ketrampilan Imej Diri & Teknik Solekan yang dihadiri oleh sebahagian kakitangan petugas kaunter bahagian hadapan di setiap bahagian daerah dan cawangan di JPN Negeri Melaka

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi menambahkan keyakinan diri setiap Kakitangan JPN Negeri Melaka dalam memberikan khidmat di barisan kaunter hadapan. Bengkel ini telah dijalankan Oleh En Muhamad Kamal Bin Kasin Pengurus Biro Sosial Dan Publisiti Madah Cawangan JPN Negeri Melaka selaku kakitangan Unit Komunikasi Korporat JPN Negeri Melaka.

## PERTANDINGAN BOLING SUKAN KUMPULAN MADAH JPN NEGERI MELAKA 2018



Gimik Perasmian Oleh  
Ydp Madah JPN Negeri  
Melaka Encik Norazle Bin  
Sulaiman

Pada 28 September 2018 bertempat di Melaka International Bowling Centre Ayer Keroh Melaka telah diadakan Pertandingan Boling Sukan Kumpulan Madah JPN Negeri 2018 Melaka yang dianjurkan oleh Biro Sukan yang melibatkan 4 buah kumpulan sukan Madah JPN Negeri Melaka bertemakan tradisional dimana para peserta memakai pakaian berkonsepkan tradisional semasa bermain boling pada pertandingan tersebut

perasmian permainan boling oleh Yang Dipertua Madah JPN Negeri Melaka Encik Norazle Bin Sulaiman Merangkap Pengarah JPN Negeri Melaka.

Kumpulan Rentap Titans Telah Menjadi Juara Kali Kedua Untuk Tahun 2018 Setelah Menjuarai Pertandingan Yang Sama Pada Tahun 2017. Manakala Kumpulan Tok Gajah telah memenangi kumpulan yang mengikuti tema tradisional pada pertandingan itu

Acara dimulakan dengan gimik



# SESI PENYERAHAN KUNCI JPN CAWANGAN HKL

Penyerahan kunci oleh Timbalan Pengarah JPN WPKL kepada wakil HKL.



Pada 10 Ogos 2018, sesi penyerahan kunci pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan Hospital Kuala Lumpur telah diadakan di Hospital Kuala Lumpur (HKL). JPN Cawangan HKL yang telah ditamatkan operasi perkhidmatan kaunter pada 20 Julai 2018. Sesi penyerahan kunci ini telah dihadiri oleh Puan Norma Aizan binti Che Man, Timbalan Pengarah JPN WPKL, Puan Ainul Afzan binti Ramli, Penolong Pengarah Pengurusan, Puan Noor Fareena binti Salleh,

Timbalan Pengarah Operasi 1, Puan Masliana binti Mansor, Penolong Pegawai Pendaftaran Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia serta Muhammad Firdaus bin Mohammad Anuar dari Unit Komunikasi Korporat JPN WPKL. Pada sesi ini juga Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah menyerahkan cenderahati kepada wakil dari HKL sebagai tanda ingatan tulus ikhlas daripada JPN WPKL.

## RANCANGAN PAARVAI DI RADIO MINNALFM

Pada 3 Ogos 2018, Cik Arokiamary Josephine a/p Sawirnathan telah dijemput untuk satu temu bual bersama Radio MINNAlfm di dalam sesi Rancangan Paarvai bersama dengan penyampai radio Saraswaty bertajuk "Fungsi, Peranan dan Perkhidmatan JPN". Sesi temubual ini diadakan bagi memberi penjelasan dan menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan jenis-jenis perkhidmatan/ urusniaga yang ditawarkan oleh JPN kepada orang ramai. Di dalam sesi temubual ini Cik Arokiamary ada menjelaskan mengenai Program Turun Padang (Outreach Programme) dan Perkhidmatan Bas Mobile JPN yang disediakan bagi memudahkan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri penduduk yang tinggal dilapangan serta di pedalaman. JPN juga menyediakan perkhidmatan urusniaga utama secara online melalui Portal JPN. Diharapkan sesi temubual seperti ini akan memberikan manfaat dan ilmu kepada pendengar secara umumnya dan kefahaman dalam isu peranan dan perkhidmatan JPN kepada orang awam.

## GOTONG-ROYONG MEGA 1.0 PERANGI AEDES



Program Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 telah dianjurkan pada 29 Ogos 2018. Program ini telah dijalankan dengan kerjasama bersama agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam yang melibatkan seramai 100 orang peserta. Seramai 20 orang peserta daripada Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terlibat pada gotong-royong kali ini. Gotong-royong ini dijalankan disekitar Kompleks Kementerian Dalam Negeri. Acara dimulakan dengan ucapan aluan dan perasmian program 'Bebas Denggi' oleh Pengarah Imigresen



Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada program ini juga diadakan penyampaian sijil penghargaan, penyampaian hadiah bagi acara cabutan bertuah dan penyampaian hadiah 'Gambar Terbaik' #gotongroyongmega1.0 di facebook rasmi JIMWPKL. Aktiviti gotong-royong yang bermula jam 2.30 petang ini tamat pada jam 5.00 petang. Selain itu JPN WPKL Cawangan Taman Maluri, Cawangan Bandar Tun Razak dan JPN UTC Keramat telah menjalankan Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes pada 17 Ogos 2018, manakala pada 20 Ogos 2018 JPN UTC Sentul, JPN UTC KL dan Cawangan Kepong. Pada 30 Ogos 2018, Cawangan JPN Seputeh telah juga menjalankan Gotong-Royong Mega 1.0 Perangi Aedes ini.

# AMANAT TIMBALAN PENGARAH JPN WPKL KEPADA PEGAWAI JPN WPKL PERTUKARAN DALAMAN



Taklimat yang disampaikan oleh Timbalan pengarah turut dihadiri ketua Bahagian JPN WPKL



Penyerahan cenderahati disampaikan oleh Timbalan Pengarah bersama Penolong Pengarah Pengurusan

Pada 3 Ogos 2018 (Jumaat), Timbalan Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah menyampaikan amanat kepada Penolong Pegawai Pendaftaran KP29 dan Pembantu Pendaftaran KP22 yang bertukar masuk mahupun yang akan bertukar keluar. Timbalan Pengarah mengucapkan terima kasih kepada kakitangan yang sentiasa memberi kerjasama, semangat dan sokongan selama berkhidmat di JPN WPKL. Beliau mengharapkan kerjasama, semangat dan sokongan padu yang diberikan ini berterusan di JPN WPKL. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah Pengurusan, Penolong Pengarah Operasi (I) dan Penolong Pengarah Operasi (II) sebagai ucapan terima kasih kepada kakitangan tersebut dan majlis kemudian disusuli dengan jamuan ringan.

## SESI LATIHAN (FIRE DRILL) DI PLAZA MASALAM



Pada 4 April 2018 (Jumaat) Pihak pengurusan bangunan iaitu Plaza Masalam telah mengadakan satu latihan kebakaran (Fire Drill) bersama warga JPN Shah Alam dan beberapa agensi lain telah turut serta.

Tujuan latihan diadakan adalah untuk memastikan jika berlaku nya kecemasan seperti kebakaran, ianya dapat di tangani dengan segera dan selamat.

## MAJLIS MESRA AIDILFITRI JPN WPKL



Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah menganjurkan Majlis Mesra Aidilfitri pada 13 Julai 2018 bertempat di Ruang Legar Aras 2, Kompleks Kementerian Dalam Negeri WPKL. Setiap kakitangan di bahagian dan cawangan WPKL telah bergabung menyumbangkan wang, tenaga dan usaha bagi memeriahkan majlis ini. Semua kakitangan JPN WPKL dan juga mantan Pengarah dan pesara bagi tahun 2017 juga dijemput bagi memeriahkan majlis ini. Kemesraan lebih terjalin erat apabila kami bergabung tenaga

bekerjasama menyiapkan segala-segalanya bermula daripada susunan kerusi meja sehingga penyediaan makanan. Bahkan terdapat juga kakitangan yang berbesar hati untuk membawa juadah yang dimasak sendiri dari rumah. Lebih bermakna apabila kegembiraan terpancar di wajah para tetamu yang hadir. Betapa puas hatinya mereka terhadap makanan dan sajian yang kami sediakan. Majlis ini tamat pada jam 3.00 petang. Semoga hubungan akrab antara kakitangan JPN WPKL dapat terus kekal sehingga akhir hayat.

# KERJA – KERJA PENGOSONGAN RUANG PEJABAT JPN WPKL



Pada 20 Julai dan 23 Julai 2018, warga kakitangan JPN WPKL telah bergotong – royong dalam urusan penutupan ruang pejabat JPN Cawangan Hospital Kuala Lumpur (HKL) tutup berkuatkuasa pada 31 Julai 2018. Kakitangan JPN WPKL telah melakukan kerja – kerja pengosongan, membaik pulih dan pembersihan ruang pejabat seperti keadaan asal. Kerja – kerja menyusun, membungkus semua fail, menyemak, melabel dan menyediakan inventori aset dan peralatan ICT untuk dipindahkan ke Ibu Negeri JPN WPKL.

## LAWATAN KERJA PENGARAH KE BAHAGIAN DAN CAWANGAN WPKL

Sesi penerangan Ketua Pejabat JPN UTC Sentul kepada Pengarah JPN WPKL



Satu lawatan kerja oleh Pengarah JPN WPKL, Puan Rafea'ah binti Nahar telah diadakan pada 18 Julai 2018 – 20 Julai 2018 yang melibatkan dan cawangan JPN WPKL. Seramai tiga (3) orang pegawai dan kakitangan telah terlibat dalam lawatan ini terdiri daripada Puan Norma Aizan binti Che Man, Timbalan Pengarah JPN WPKL, Puan Noor Fareena binti Salleh, Penolong Pengarah Operasi 1, Puan Atfina binti Damanhuri, Penolong Pengarah Operasi 2 dan Unit Komunikasi Korporat. Lawatan ini bertujuan untuk melihat operasi urus niaga di pejabat JPN. Selain itu, membincangkan

isu-isu berkenaan pejabat dan tindakan penambahbaikan pengurusan dan operasi JPN WPKL ke arah pejabat yang cemerlang khususnya dalam perkhidmatan pengurusan pelanggan yang luar biasa dan hebat. Di samping itu, lawatan kerja ini dapat mengeratkan hubungan dan mengenali antara satu sama lain di antara Pengarah dan kakitangan khususnya di pejabat cawangan. 27 Julai 2018 merupakan hari terakhir Pengarah berkhidmat di JPN WPKL kerana beliau akan bertukar ke Kementerian Kewangan. Sesi lawatan diakhiri dengan sesi bergambar bersama Pengarah, pegawai dan kakitangan yang lain.

# SESI TAKLIMAT & PERBINCANGAN SISTEM C.A.R.I



Pada 26 Julai 2018 satu sesi taklimat dan perbincangan oleh Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) daripada Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka mengenai cadangan Sistem Carian *MyKad* yang dijumpai (Cari) bersama dengan Pegawai-pegawai PDRM di Ipd Jasin. Tujuan sistem ini diadakan adalah untuk memudahkan cara proses penyampaian maklumat mengenai *MyKad* yang dijumpai oleh pihak PDRM kepada Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka. Selain itu, sistem ini juga dapat memudahkan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka membuat semakan *MyKad* yang hilang pada bila-bila masa melalui sistem ini.

## MAJLIS SANJUNGAN BUDI TAUTAN KASIH MADAH CAW. JPN MELAKA



Pada 7 Julai 2018, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi Tautan Kasih, Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Penyampaian Hadiah kepada Pesara, Pertukaran kakitangan & Cabutan Bertuah yang diadakan di Ibis Hotel Melaka. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka bersekali dengan majlis persaraan kakitangan JPN Negeri Melaka. Majlis ini turut dihadiri bersama Tim Ketua Pengarah Pengurusan JPN Tn. Hj. Jasri B. Kasim yang diiringi Pengarah JPN Melaka En. Norazle Sulaiman.

# MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI MELAKA 2018.

Program anjuran Pengurus Biro Sosial MADAH Caw. JPN Melaka. Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri merupakan aktiviti tahunan yang di nanti-nantikan pada bulan Syawal ini oleh setiap kakitangan JPN Negeri Melaka. Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri ini bertujuan untuk mengeratkan lagi Silatulrahim dan Muhibbah diantara kakitangan JPN Negeri Melaka sekalian sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.



## KEMBARA MOBILE JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI KEDAH



Bersempena sambutan Hari Pendaftaran Negara 2018 yang disambut pada 1 Oktober 2018, telah diadakan Program Kembara Mobile Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di setiap negeri. JPN Kedah juga turut terlibat dalam Program Kembara Mobile yang diadakan di Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah. Progam ini telah dirasmikan oleh YB Puan Halimaton Shaadiah binti Saad, Exco Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat & Pembasmian Kemiskinan Negeri Kedah. Turut hadir didalam program ini adalah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pendaftaran Negara, Tuan Haji Jasri bin Kasim dan diiringi oleh Pengarah JPN Kedah, Tuan

Yusman Hambali bin Ahmad. Program ini melibatkan kakitangan JPN Kedah, warga JKM serta penghuni Rumah Seri Kenangan, Bedong. Antara aktiviti yang diadakan adalah gotong royong sekitar Rumah Seri Kenangan, majlis bacaan yasin dan masakan bubur asyura. Team Mobile dari Ibu Pejabat dan negeri turut serta memproses permohonan pengenalan diri warga Rumah Seri Kenangan. Pada majlis tersebut turut diadakan penyerahan dokumen pengenalan diri, serahan sijil lahir serta sijil warganegara kepada penerima yang disampaikan oleh YB Exco

# LAWATAN PENANDA ARAS EKSA DI ILP IPOH



Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Perak ke Institut Latihan Perindustrian Perak pada 30 Ogos 2018. Program ini bukan sahaja melibatkan 20 orang peserta dari JPN Perak, tetapi turut melibatkan beberapa Institusi Latihan Perindustrian dari daerah utara Negeri Perak. Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada 11.00 pagi

## PROGRAM DERMA DARAH MERDEKA ‘SETITIS DARAH, SEGUNUNG HARAPAN’

Program Derma Darah Merdeka ‘Setitis Darah, Segunung Harapan’ anjuran Hospital Besar Ipoh dan Klinik Kesihatan Jelapang telah diadakan pada 28 Ogos 2018 di Bilik Seminar, Aras 5, Kompleks KDN, Ipoh, Perak. Program ini turut dihadiri oleh wakil dari agensi-agensi di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ipoh. Selain daripada program derma darah, pemeriksaan kesihatan percuma seperti pemeriksaan tekanan darah, BMI (Body Mass index) dan pameran kesihatan turut diadakan untuk setiap pengunjung. Program ini bermula pada jam 11.00 pagi dan berakhir pada 1.00 petang.



## LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN 2018

Pada 31 Julai 2018 hingga 1 Ogos 2018 Panel Penilai untuk Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan 2017 telah hadir ke Bahagian Kewangan (BKW) JPN Negeri Melaka untuk melakukan kerja-kerja penilaian bagi menilai dokumentasi yang terdapat di Bahagian Kewangan JPN Negeri Melaka. Panel yang terlibat ialah Encik Rais Bin Ayop, Puan Rasidah Binti Mohd Noor dari JPN Putrajaya dan Puan Siti Bariah Binti Bakar dari JPN Selangor.



## BORAK KOPITIAM



Bersempena Sambutan Hari Pendaftaran Negara (HPN) Tahun 2018, JPN yang diwakili Puan Marsheila binti Salamat, Pegawai daripada Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat (BKA) JPN Putrajaya telah menghadiri sesi wawancara Rancangan Borak Kopitiam TV3 pada 8 September 2018 yang mengupas isu pendaftaran nama anak. Dalam wawancara tersebut, telah dijelaskan kepada penonton mengenai tempoh

masa pendaftaran kelahiran biasa, kewajiban mendaftar setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia, jumlah aksara bagi pendaftaran nama anak yang dibenarkan JPN dan nama-nama yang ditegah atau tidak sesuai untuk didaftarkan oleh ibu bapa. Dalam masa yang sama, JPN turut mempromosikan Sambutan HPN Tahun 2018 yang disambut pada 4 Oktober 2018 sekaligus menjemput orang ramai untuk hadir bagi memeriahkan majlis.

## HARI BERTEMU RAKYAT PERDANA

Pada 17 Ogos 2018 Kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan Majlis Perlancaran Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka dimana turut diadakan Hari Bertemu Rakyat Perdana yang diadakan di Dewan Seri Negeri Ayer Keroh Melaka Yang Dirasmikan Oleh Ketua Menteri Melaka YAB Tuan Adly Bin Zahari.

JPN Negeri Melaka telah menyediakan boot pameran khidmat nashiat dan aktiviti promosi dan turut disediakan kaunter Unit Mobile bagi pertukaran **MyKad** oleh pelanggan yang ingin menukar kad pengenalan.

Booth pameran JPN Negeri Melaka kakitangan telah mewakili oleh En Nasrom Bin Yusof , Puan Maznimah Binti Mustafa En Fakhrur Razi Bin Mustafa



# LAWATAN PENANDA ARAS EKSA DI ILP IPOH



Pada 27 Ogos 2018 JPN Melaka telah menganjurkan Program Gotong Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat JPN Melaka yang diadakan di JPN Daerah Jasin Melaka yang melibatkan seramai 20 orang kakitangan di seluruh bahagian daerah dan cawangan JPN Negeri Melaka yang telah dirasmikan oleh pengarah JPN Negeri Melaka Encik Norazle bin Sulaiman

Program ini turut diselitkan program kibaran jalur gemilang yang melibatkan ahli kumpulan logistik dari JPN Negeri Melaka bagi menyemarakkan lagi bulan kemerdekaan negara Malaysia tahun 2018

## BENGKEL PELAKSANAAN EPAYMENT DI KAUNTER JPN ZON SELATAN



Bengkel Pelaksanaan ePayment di Kaunter JPN Zon Selatan telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) pada 27 Ogos 2018 di Bilik Mesyuarat, Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang, Johor. Bengkel selama 1 hari ini telah dihadiri oleh 26 orang peserta yang terdiri daripada pegawai BTM, UTC Pasir Gudang, UTC Johor, JPN Johor dan Maybank. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi penerangan dan latihan mengenai pelaksanaan ePayment di kaunter JPN melibatkan cara-cara penggunaan terminal EDC bagi penerimaan bayaran menggunakan kad debit atau kad kredit dan penambahbaikan dalam Modul Kutipan Hasil Sistem IJPN yang melibatkan ePayment.



## PERHIMPUNAN BULANAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA TAHUN 2018

Perhimpunan Bulanan telah diadakan pada 06 Julai 2018 di Ruang Legar Kaunter JPN UTC Wilayah Persekutuan Labuan yang dihadiri oleh Pengarah JPN UTC W.P. Labuan iaitu Encik Daim Gunting serta kakitangan JPN UTC W.P. Labuan. Disamping itu juga, majlis diteruskan dengan Sambutan Hari Raya Tahun 2018 yang diadakan di Bilik Perkahwinan JPN UTC W.P. Labuan.

## TAKLIMAT ARAHAN KAD PENGENALAN COKLAT



Taklimat Arahan Kad Pengenalan Coklat telah diadakan pada 12 Julai 2018 bertempat di Dewan Kepayan , Kota Kinabalu Sabah. Turut hadir dalam taklimat ini adalah YBrs. Tuan Badrul Hisham Bin Alias, Pengarah Bahagian Kad Pengenalan JPN. Taklimat ini disampaikan oleh Puan Haniza Rahim dan diadakan bertujuan untuk memastikan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, Arahan-Arahan Jabatan dan Prosedur Kualiti dipatuhi. Jabatan juga turut mengundang Ketua Cawangan / Daerah dari Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Negeri Sabah serta ketua-ketua bahagian serta pejabat JPN Negeri Sabah.



## MAJLIS NGILING TIKAI DAN RAMAH TAMAH HARI RAYA 2018

Pada 5 Julai 2018, Ibu Pejabat JPN Sarawak telah mengadakan Majlis Ngiling Tikai dan Ramah Tamah Hari Raya 2018.

Majlis telah diadakan di Dewan Telekom, Simpang Tiga bermula jam 2.00 petang dan dihadiri oleh kakitangan dari Ibu Pejabat dan juga pejabat cawangan JPNS. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah JPN Sarawak Tuan Hj. Jasni Bin Jubli.

Antara aktiviti yang diadakan adalah Upacara Ngiling tikai, Pertandingan Gerai Gawai Raya dan Pertandingan

Persembahan antara bahagian dan perasmian transformasi kaunter. Majlis turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Kad Pengenalan, JPN.

Objektif majlis ini adalah untuk menjalin keharmonian kepelbagaian kaum dan mengeratkan silaturahim antara kakitangan.



## ANUGERAH INOVASI JPN TAHUN 2018 ZON SABAH



Mesyuarat Penilaian dan Pembentangan Projek Inovasi bagi Anugerah Inovasi JPN Tahun 2018 (Zon Sabah) telah diadakan pada 25 Julai 2018 (Rabu) di JPN Kota Kinabalu. Panel penilai adalah terdiri daripada YBrs. Tuan Haji Jasri Bin Kassim, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), YBrs. Tuan Badrul Hisham Alias, Pengarah BKP JPN, Cik Nely Binti Nasir, Pengarah BKC JPN dan Puan Zalena Binti Ahmad. Terdapat 2 projek yang telah dibentangkan oleh JPN Sabah iaitu E-SSK(Sistem Semakan Surat Kelulusan dan Penerimaan Sijil Warganegara) dan Penyediaan Pakaian Busana Pengantin & Saksi Pengantin.

# LAWATAN KERJA TKP (O) KE UTC KUCHING

Pada 3 Ogos 2018, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPN, YBrs. Tuan Jasri Bin Kasim telah membuat lawatan kerja ke UTC Kuching bagi memantau operasi kaunter UTC.

Kedatangan beliau telah disambut oleh Ketua Cawangan UTC Kuching, Puan Dayang Noraliza Bt. Awang Abdul Rahman dan semua ketua-ketua bahagian.



## PENUTUPAN DAN PEMBENTANGAN AUDIT KUALITI ISO



Pada 17 Ogos 2018, telah berlangsung majlis penutupan dan pembentangan Audit Kualiti ISO di Bilik Amanah 2018.

Sekitar sesi penutupan dan pembentangan Audit Kualiti ISO 2018 bagi JPNS. Sesi telah diadakan pada 17.08.2018 di Bilik Amanah JPNS.



## MAJLIS PERASMIAH RAPID RESPONSE TEAM



Majlis Perasmian bagi Rapid Response team dan sambutan Majlis makan malam JPNS telah diadakan pada 30.7.2018 bertempat di Borneo Convention Center, Kuching. Majlis telah dihadiri oleh Ketua Pengarah JPN, YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah, Pengarah JPN Negeri Sarawak, Tuan Jasni Bin Jubli, Ketua-ketua Bahagian, Ketua Pejabat Cawangan serta semua kakitangan JPN dari seluruh Sarawak yang telah memeriahkan majlis.



## **BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PROSIDUR PERMOHONAN PENGESAHAN TARAF WARGANEGARA DIBAWAH PERKARA 30 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**



Bengkel Penambahbaikan Prosidur Permohonan Pengesahan Taraf Warganegara di bawah Perkara 30 Perlembagaan Persekutuan telah diadakan di JPN Kota Kinabalu pada 27 hingga 30 Ogos 2018. Bengkel tersebut dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Jasri Bin Kasim, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) dan turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Zamari Bin Mohd. Ramli, Setiausaha Pendaftaran Pertubuhan (Kementerian Dalam Negeri). Seramai 66 orang peserta menghadiri bengkel tersebut yang terdiri daripada Pengarah-Pengarah Negeri, Bahagian, pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri serta pegawai dan kakitangan JPN Sabah.

## **PROGRAM GOTONG ROYONG MEGA 1.0 PERANGI AEDES**

JPN Sabah telah mengadakan Program Gotong Royong Mega 1.0 Perangi Aedes di 5 cawangan JPN iaitu JPN Pitas, JPN Papar, JPN Nabawan, JPN Kota Marudu dan JPN Sipitang pada 18 Ogos 2018 (Sabtu). Berikut adalah jumlah peserta yang mengikuti program gotong royong tersebut yang terdiri daripada pegawai JPN Negeri Sabah, Jabatan Kesihatan, RELA, dan Majlis Daerah.

- JPN Papar 51 Orang ( JPN 18 Org, Rela 23 Org, Majlis Daerah Papar 5 Org, Jabatan Kesihatan Papar 5 Orang)
- JPN Pitas 16 Orang ( JPN 11 Org, 5 Org)
- JPN Sipitang 25 Orang ( JPN 18 Org, Jabatan Kesihatan 7 Org)
- JPN Nabawan 20 Orang ( JPN 14 Org, Jabatan Kesihatan 6 Org)
- JPN Kota Marudu 16 Orang ( JPN 11 Org, Jabatan Kesihatan 5 Org)



Program Gotong Royong tersebut dimulakan pada jam 8 pagi dan berakhir pada jam 2 petang. Antara aktiviti yang dilakukan adalah kerja-kerja pembersihan kawasan sekitar pejabat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes, khidmat fogging oleh Jabatan Kesihatan, menanam pokok hiasan (JPN Nabawan), Fun Ride dan Memanah (JPN Sipitang) dan juga ceramah oleh pegawai daripada Jabatan Kesihatan.

# LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH PERKHIDMATAN KAUNTER TERBAIK & ANUGERAH PERKHIDMATAN UTC TERBAIK TAHUN 2018 KE JPN W.P. LABUAN

6 Ogos 2018 – JPN UTC W.P. Labuan telah dilawati oleh Panel Penilai Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik & Anugerah Perkhidmatan UTC Terbaik Tahun 2018 yang diketuai oleh Puan Nurbaizura Binti Zulkifli serta ahli panel Puan Siti Asmah Binti Misran. Perancangan dan persediaan rapi telah dibuat oleh jabatan ini bagi menjayakan lawatan tersebut serta mengetengahkan Inovasi baru khususnya dalam kategori Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik & Anugerah Perkhidmatan UTC Terbaik Tahun 2018



## PENGAUDITAN EMOLUMEN JPN W.P. LABUAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA



Ogos 2018 – Jabatan Audit Negara W.P. Labuan telah mengadakan Audit Emolumen pada 13-14 Ogos 2018 di JPN UTC W.P. Labuan. Dalam hal ini dua orang pegawai iaitu Puan Siti Mastini Sidek dan Puan Lydia Susanti Binti Abdul Samad telah membuat pemeriksaan rekod dan dokumen yang melibatkan emolument kakitangan JPN UTC W.P. Labuan. Semasa “exit meeting” pihak audit telah membentangkan beberapa teguran yang perlu penambahbaikan oleh jabatan ini.

## LAWATAN PENANDA ARAS EKSA DARI JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN W.P. LABUAN



15 Ogos 2018 – Ahli Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Wilayah Persekutuan Labuan telah membuat lawatan penandaarasan EKSA di Jabatan Pendaftaran Negara UTC Wilayah Persekutuan Labuan. Rombongan seramai 10 orang kakitangan yang diketuai oleh Cik Siti Hawa Binti Sadek, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan W.P. Labuan adalah bertujuan berkongsi maklumat mengenai pelaksanaan EKSA untuk persiapan jabatan tersebut mendapatkan pensijilan EKSA. Rombongan ini telah diberi taklimat oleh Encik Farhan Bin Abdullah dan seterusnya dibawa untuk membuat lawatan ke ruang pejabat JPN. Dalam hal ini, rombongan AJK EKSA Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan W.P. Labuan berterima kasih kepada JPN di atas segala kerjasama yang diberi sepanjang lawatan tersebut

# LAWATAN TAPAK & PENUTUPAN BAGI AUDIT APP 2018



Pada 5 September 2018, Panel penilai bagi Kategori Anugerah Pengurusan Pelanggan telah melakukan lawatan tapak ke JPN Kuching dan UTC Kuching. Majlis penutupan telah diadakan di Bilik Amanah JPNS. Lawatan ini merupakan lawatan verifikasi dokumen bagi agensi yang disenaraikan pendek dalam AKPANS (Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak). Ucapan aluan telah disampaikan oleh Tuan Jasni bin Hj. Jubli, Pengarah JPN Sarawak.

## PAMERAN SEMPENA PROGRAM KEMBARA KERJAYA SABAH 2018 ANJURAN JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SABAH



JPN Sabah telah menyertai jemputan daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah untuk mengadakan pameran sempena Program Kembara Kerjaya Sabah 2018 yang berlangsung pada 02 September 2018 (Ahad) bertempat di Oceanus Shopping Mall, Kota Kinabalu Sabah yang dirasmikan oleh YAB. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie Bin Haji Apdal.. JPN Sabah menyediakan bahan-bahan pameran serta memberi khidmat nasihat kepada pengunjung yang datang ke booth pameran JPN. Antara program yang diselitkan dalam acara tersebut adalah seperti ceramah kerjaya dan juga temuduga terbuka daripada syarikat-syarikat swasta yang dijemput. Acara tersebut bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.



# RAKYAT DI HATI JPN

## PROGRAM MOBILE EHSAN JPN JOHOR



Sepanjang bulan Julai 2018 sebanyak tiga belas (13) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan Unit Mobile Ehsan JPN Johor di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses *MyKad* bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN serta pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Johor Bahru, Kluang, Yong Peng, Paloh, Kangkar Pulai, Pontian, Ulu Tiram dan Kulai.

## KARNIVAL ASPIRASI STAR PUTRA, SMK TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA KULAI JOHOR

Pada 29 Julai 2018 bertempat di Dewan Terbuka STAR Putra, SMK Tunku Abdul Rahman Putra Kulai Johor telah berlangsung Karnival Aspirasi STAR Putra yang di anjurkan oleh SMK Tunku Abdul Rahman Putra Kulai Johor. Seramai 5 orang dari JPN Johor telah membuka pameran dan kaunter khidmat nasihat.. Program tersebut telah dijalankan dari 07.30 pagi sehingga selesai. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Imigresen, Tabung Haji, Bank Islam, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.



## PROGRAM DAFTAR LEWAT LAHIR DAN KAD PENGENALAN KG PAYA LINTAH, JERANTUT.



Pada 15 Julai 2018 JPN Jerantut dengan kerjasama JAKOA Jerantut telah berkolaborasi turun ke Kampung Orang Asli Paya Lintah, Jerantut dalam menyelesaikan isu pengenalan diri kalangan masyarakat orang asli disitu. Ketua Pejabat JPN Jerantut iaitu Puan Siti Nazamimah binti Rahmat telah bersama-sama dengan kakitangannya turun ke kampung tersebut dalam membantu memudahkan urusan pendaftaran sijil kelahiran dan isu kad pengenalan. Semua permohonan akan dibawa semula ke pejabat untuk disemak dan diproses mengikut prosedur.

# MOBILE EHSAN JPN PAHANG




Pada Julai 2018, Pasukan Unit Mobile JPN Pahang telah turun ke lapangan dalam melaksanakan 'Mobile Ehsan' sekitar Bandar Kuantan dan beberapa daerah dalam Negeri Pahang.



Pada 21 Julai 2018, Pasukan Unit Mobile JPN Pahang telah turun ke Kampung Terubing Pekan, Pahang. JPN Pahang telah berkolaborasi dengan JAKOA Pahang dalam memudahkan masyarakat Orang Asli membuat Kad Pengenalan serta pendaftaran lewat kelahiran.

# MOBILE EHSAN JPN NEGERI SEMBILAN



Pada 06 Ogos 2018, Pasukan Unit Mobile Ehsan Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sembilan telah melaksanakan Program Mobile Ehsan dan telah memproses 3 permohonan yang terdiri daripada permohonan oku yang pertama bernama T.GANESAN A/L THARUMAIH, permohonan uzur yang kedua bernama HABSHAH BINTI MUSA, permohonan uzur yang ketiga bernama PANG NYOK CHAN, walaubagaimanapun satu permohonan tidak dapat diproses kerana pemohon ada tetapi tuan rumah tiada dirumah semasa perkhidmatan ini dijalankan.

# PROGRAM SIME DARBY 'GOV & YOU'



Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Selangor telah menerima jemputan daripada Sime Darby Plantation Berhad untuk turut serta dalam Program 'Gov & you' yang dianjurkan oleh mereka pada 25 Julai 2018 ( Rabu ).

Seramai 5 orang kakitangan daripada JPN Negeri Selangor telah terlibat dalam pembukaan booth JPN. Objektif program itu adalah untuk menyalurkan informasi terkini dan maklumat yang tepat kepada orang awam berkenaan perkhidmatan yang diberikan oleh JPN. Disamping itu juga, ia dapat mendekatkan orang awam dengan perkhidmatan kerajaan khususnya lebih mesra pelanggan selaras dengan slogan jabatan 'Rakyat di Hati JPN'.

# PAMERAN SEMPENA MALIS PELANCARAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN DENGAN BADAN AGAMA KRISTIAN PERINGKAT KEBANGSAAN



Pada 18 Ogos 2018, Sabtu, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor telah menerima satu jemputan untuk membuka pameran sempena majlis pelancaran Program Kesihatan Pergigian dengan Badan agama Kristian peringkat kebangsaan bertempat di Dewan Stella Maris Gereja ST Anne Pelabuhan Klang Selangor.

Program disertai oleh 4 kakitangan daripada JPN Negeri Selangor yang mengadakan booth pameran bagi memperkenalkan bahan-bahan peralatan yang digunakan di Jabatan Pendaftaran Negara.

## PROGRAM MOBILE EHSAN JPN JOHOR OGOS



Sepanjang bulan Ogos 2018 sebanyak dua (2) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan Unit Mobile Ehsan JPN Johor di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses [MyKad](#) bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN serta pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Mersing dan Tangkak.

## HARI BERTEMU PELANGGAN JPN JOHOR



Pada 08 Ogos 2018 bertempat di Kolej Komuniti Pasir Gudang Johor telah berlangsung hari bertemu pelanggan yang di anjurkan oleh Kolej Komuniti Pasir Gudang Johor. Seramai 5 orang dari JPN Johor telah membuka pameran, kaunter khidmat nasihat, mobile bagi gantian [MyKad](#) dan penerangan berkaitan tujuan program ini dijalankan bagi memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan menjaga [MyKad](#).

# MOBILE EHSAN JPN WP KUALA LUMPUR



Pada 3 September 2018 Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) menerima permohonan daripada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Wilayah Persekutuan untuk mengadakan lawatan Mobile Team, dimana telah mengesan satu kes kemiskinan di sekitar Kuala Lumpur yang masih belum mempunyai dokumen pengenalan diri. Pihak JPN WPKL membantu pemohon dalam menyelesaikan masalah pendaftaran lewat kelahiran bagi anak sulung pemohon yang masih belum didaftarkan kelahirannya. JPN WPKL juga membantu pemohon untuk cara mengisi borang permohonan daftar lewat kelahiran dan juga mengambil gambar adik-beradik pemohon dan gambar pemohon untuk dilengkapkan borang permohonan daftar lewat kelahiran. Pihak Jabatan sentiasa membantu dan memproses permohonan pendaftaran kelahiran lewat berdasarkan peruntukan dan undang-undang sedia ada.

Pada 3 September 2018 dan 25 September 2018, Unit Mobile Bahagian Kad Pengenalan Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah turun kelapangan untuk program mobile ehsan. Perkhidmatan Mobile Ehsan merupakan program turun padang yang disediakan kepada orang kelainan upaya (OKU) dan ke rumah orang tua yang tidak dapat bergerak sendiri ke JPN bagi mereka yang memerlukan bantuan dari aspek

dokumentasi pengenalan diri melalui temujanji. JPN WPKL mengambil pendekatan tidak hanya tunggu di Jabatan, sebaliknya akan turun kepada rakyat yang tidak berupaya dan memerlukan perkhidmatan yang disediakan. JPN sentiasa membuat penambahbaikan perkhidmatan termasuk turun padang bagi memastikan semua rakyat mendapat akses dan kemudahan yang setara walaupun kurang bernasib baik dan uzur.



## PROGRAM TAKLIMAT KEWARGANEGARAAN DI PARLIMEN BATU



Pada 23 September 2018 Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah dijemput untuk

mengadakan Program Taklimat Kewarganegaraan di Parliment Batu di Dewan Komuniti PPR Intan Baiduri, Kuala Lumpur. Taklimat

ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada penduduk di kawasan Parliment Batu mengenai prosedur permohonan yang berkaitan dengan pendaftaran kad pengenalan dan kewarganegaraan terutama penduduk di kawasan Parliment Batu. Program tersebut mendapat sambutan di kalangan masyarakat di kawasan Parliment Batu bagi menyelesaikan masalah isu - isu kewarganegaraan, kad pengenalan dan juga kelahiran. Program ini melibatkan 28 orang kakitangan, tujuh (7) orang dari JPN Putrajaya dan 21 orang daripada JPN WPKL yang diketuai oleh Puan Norma Aizan bin Che Man Timbalan Pengarah JPN WPKL.

# PROGRAM MERDEKA @KOMUNITI PERINGKAT DAERAH HULU LANGAT



Satu Program Merdeka@Komuniti Peringkat Daerah Hulu Langat 2018 telah diadakan pada 2 September 2018 (Ahad) bertempat di Rumah Pangsa Taman Kosas Selangor. Program tersebut telah dirasmikan oleh Puan Hajah Haniza Binti Mohamaed Talha Pengurus Tetap Jawatankuasa Tetap Perumahan

Dan Kehidupan Bandar merangkap ADUN Lembah Jaya.

Tujuan program diadakan adalah untuk menggalakkan penglibatan secara proaktif dan bersepadu Kerajaan bersama masyarakat setempat. Melalui program ini juga dapat mengeratkan hubungan

silaturahim bersama rakyat sesuai dengan slogan "Rakyat Di Hati JPN".

JPN Negeri Selangor telah dijemput bagi menjayakan program dimana seramai 5 orang kakitangan telah turut serta untuk membuat pameran pada hari tersebut.

## PERKHIDMATAN OUTREACH SEMPENA PROGRAM GEGAR 10,000 LANGKAH MERDEKA DAN KEM NAK SIHAT 2018



Pada 22 September 2018, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan telah menyediakan perkhidmatan outreach sempena program Gegar 10,000 Langkah Merdeka dan Kem Nak Sihat 2018 yang bertempat di Dataran Taman Andalas, Mantin. Program Gegar 10,000 Langkah Merdeka dan Kem Nak Sihat 2018 ini bermula pada jam 7.00 pagi sehingga jam 2.00 petang. Terdapat beberapa perkhidmatan yang disediakan semasa program ini ialah bus mobile bergerak, pameran kad pengenalan dan kaunter pertanyaan. Kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sembilan yang terlibat ialah dari bahagian Pejabat Perkhidmatan Pelanggan, Kad Pengenalan, Perkahwinan dan Perceraian, Kewarganegaraan, Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat dan Unit Bus Mobile JPN Putrajaya.

# PROGRAM PERKHIDMATAN KAUNTER PENERANGAN DAN ADUAN RAKYAT BERSAMA KERAJAAN DI KUALA KURAU

Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Perak telah menerima jemputan ADUN Kuala Kurau, YB Abdul Yunus bin Jamhari, bagi menyertai Program Perkhidmatan Kaunter Penerangan Dan Aduan Rakyat Bersama Kerajaan telah diadakan pada hari Jumaat, 7 September 2018, bertempat di Pusat Khidmat Komuniti ADUN Kawasan Kuala Kurau, No. 1-A, Gerai Rakyat MDK, Jalan Pasar , Kuala Kurau, Perak.

Seramai tiga pegawai pendaftaran jabatan telah menghadirkan diri bagi menjayakan program tersebut iaitu Encik Mohamad Salleh bin Jaafar Sidek, Pegawai Pendaftaran Daerah Larut, Matang & Selama dan Encik Mohd Fairuz bin Mohd Saad, Pegawai Pendaftaran Pejabat JPN Cawangan Kamunting dan mereka diketuai oleh Encik Roslan bin Che Ghani, Ketua Bahagian Kelahiran, Kematian & Anak Angkat JPN Perak.

Objektif program adalah untuk memberikan informasi sebenar serta menangani setiap aduan berkaitan prosedur urusniaga Jabatan Pendaftaran Negara yang dikemukakan oleh komuniti setempat, khususnya penduduk di kawasan Kuala Kurau Perak. Sebanyak 18 kes aduan dan khidmat nasihat telah diterima di sepanjang program tersebut.

## PROGRAM JEJAK IDENTITI BERSAMA HOSPITAL PERMAI JOHOR



Pada 20 September 2018 satu program Kembara Mobile JPN sempena Hari Pendaftaran Negara 2018 telah diadakan di Hospital Permai Johor.

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Johor dan Unit Mobile telah membuka kaunter gantian *MyKad*. Seramai 80 orang penghuni Hospital Permai Johor telah membuat gantian *MyKad* dan penyerahan *MyKad* siap juga telah dilaksanakan pada hari yang sama.

## PROGRAM MY 18 DI SMK DATO' HAJI MOHD SAID



Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Terengganu telah dijemput mengadakan Program MY 18 pada 20 September 2018 (Khamis) bertempat di SMK Dato' Haji Mohd Said Kebor Besar Manir Terengganu sempena Hari Anugerah Kokurikulum dan Penutupan Bulan Kemerdekaan 2018. Seramai 5 orang kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu yang terlibat menjayakan program ini. Tujuan Program outreach My18 diadakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang permohonan *MyKad* sebaik mencapai umur 18 tahun. Pameran urusniaga jabatan juga disediakan serta khidmat nasihat turut diadakan bagi memberi info terkini mengenai Jabatan Pendataran Negara.

## PROGRAM TURUN PADANG JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DI HOSPITAL SERDANG

Pada 3 Ogos 2018, Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya telah mengadakan Program Turun Padang selama satu (1) hari bertempat di Ruang Legar Utama, Hospital Serdang. Program ini merupakan aktiviti libat sama agensi yang berbentuk komunikasi bersemuka. Objektif program adalah untuk mempromosi dan berkongsi maklumat berkaitan perkhidmatan JPN. Sepanjang program dilaksanakan, antara aktiviti yang dilakukan adalah edaran flyers JPN, khidmat nasihat dan pameran Kad Pengenalan palsu. Selain itu, promosi mengenai perkhidmatan yang sedia ada juga turut dilakukan

seperti perkhidmatan JPN Zoom, Mobile Ehsan, Gantian *MyKad* Online, MyPhone In dan InfoQ JPN. Program ini dilaksanakan bermula jam 9.30 pagi dan berakhir pada jam 3.00 petang. Jabatan Pendaftaran Negara telah diwakili oleh pegawai daripada Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK). Seramai 96 Orang pengunjung yang hadir dan bertanyakan soalan berkaitan perkhidmatan JPN sepanjang program diadakan.

## PROGRAM PERKHIDMATAN KAUNTER PENERANGAN DAN ADUAN RAKYAT BERSAMA KERAJAAN DI KUALA KURAU



Pada 18 September 2018, JPN Kelantan telah menyertai Program Mesej Dari Penjara Peringkat Zon Timur Bil.4/2018 anjuran Jabatan Penjara Negeri Kelantan. Program ini telah diadakan di Universiti Malaysia Kelantan Pengkalan Chepa.

Di dalam program ini JPN Kelantan telah disertai oleh 4 orang pegawai untuk memberi perkhidmatan secara terus kepada orang ramai iaitu

dengan membuka perkhidmatan penukaran **MyKad** secara Mobile dan juga perkhidmatan nasihat berkenaan dengan jabatan.

Program berlangsung dari jam 8.00 pagi dan telah tamat pada jam 1.00 petang telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Sri Nadzri Bin Siron, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri

## PROGRAM MOBILE EHSAN JPN JOHOR



Sepanjang bulan Julai 2018 sebanyak enam (6) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan Unit Mobile Ehsan JPN Johor di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses **MyKad** bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN serta pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Johor Bahru, Pontian, Batu Pahat, Mersing dan Muar.

## PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN JPN PUTRAJAYA



Pelaksanaan Hari Bertemu Pelanggan (HBP) bagi bulan Julai hingga September 2018 telah dilaksanakan dengan jayanya. Pada 11 Julai 2018, Ibu Pejabat JPN Putrajaya telah mengadakan HBP di Ruang Legar, Hospital Putrajaya, Presint 3 manakala HBP bulan Ogos dan September dilaksanakan pada 8 Ogos 2018 dan 12 September 2018 Ruang Legar, Aras G, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Petugas yang terlibat dengan program ini diwakili daripada Bahagian Kad Pengenalan, Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Bahagian Kewarganegaraan dan

Bahagian Perkahwinan dan Perceraian di Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang awam mengemukakan aduan, cadangan atau pertanyaan dan mendapat penerangan mengenai perkhidmatan JPN

# PATAH TUMBUH

SELAMAT BERTUGAS



**MOHAMAD KHIR  
BIN MAT LAZIM**

Jawatan : Timbalan Ketua  
Pengarah (Pengurusan)  
Pegawai Tadbir Pegawai  
Tadbir Dan Diplomatik  
Gred Utama C (M)

Mula Bertugas : 12.09.2018 Hingga  
Sekarang



**MUHAMMAD  
MATORI BIN ALI**

Jawatan : Pengarah Bahagian  
Siasatan Dan  
Penguatkuasaan (BSK),  
JPN Putrajaya  
Pegawai Tadbir Dan  
Diplomatik Gred M52  
(M)

Mula Bertugas : 02.07.2018 Hingga  
Sekarang



**MUHAMMAD  
ASRAF BIN SUKADI**

Jawatan : Pengarah Bahagian  
Kewarganegaraan  
(Bwn), JPN Putrajaya  
Pegawai Tadbir Dan  
Diplomatik Gred M52

Mula Bertugas : 02.07.2018 Hingga  
Sekarang



**AZURA BINTI  
ABDULLAH**

Jawatan : Pengarah Bahagian  
Pusat Pengurusan Rekod  
(BPR), JPN Putrajaya  
Pegawai Tadbir Dan  
Diplomatik Gred M52

Mula Bertugas : 23.07.2018 Hingga  
Sekarang



**SITI MASLINDA  
BINTI MARDI**

Jawatan : Pengarah Bahagian  
Kelahiran, Kematian  
Dan Anak Angkat (BKA),  
JPN Putrajaya  
Pegawai Tadbir Dan  
Diplomatik Gred M52

Mula Bertugas : 23.07.2018 Hingga  
Sekarang

# HILANG BERGANTI

**SELAMAT BERTUKAR  
SELAMAT MAJU JAYA KEPADA YANG BERTUKAR**



**MOHD KHAIRUL  
NIZAM BIN JAMALUS**

Jawatan Terakhir: Pengarah Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan (BSK) JPN Putrajaya

Tempoh Berkhidmat 3.11.2018 Hingga  
Di JPN: 30.06.2018



**NOORULADZIM BIN  
ATEMAN**

Jawatan Terakhir: Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian Dan Anak Angkat (Bka), JPN Putrajaya Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M52

Tempoh Berkhidmat 20.12.2004 Hingga  
Di JPN: 16.07.2018



**RAFEA'AH BINTI  
NAHAR**

Jawatan Terakhir: Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M54

Tempoh Berkhidmat 21.05.2018 Hingga  
Di JPN: 16.07.2018



**ZULAZLAN BIN  
ABU HASAN**

Jawatan Terakhir: Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Perak, Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred Utama C (M)

Tempoh Berkhidmat 25.04.2017 Hingga  
Di JPN: 30.07.2018

# BELASUNGKAWA

AL-FATIHAH



**NURNIA AZALEA  
PRISCILLA BINTI  
EDWARD**

Jawatan : Pembantu Pendaftaran  
Gred Kp19

Mula Bertugas : 1.12.2015 Hingga  
02.08.2018



**CIK FARIZAN BINTI  
YUSOFF**

Jawatan : Pembantu Pendaftaran  
Gred Kp22

Mula Bertugas : 16.08.2002 Hingga  
14.08.2018



**SHUHAIDA BINTI  
LOPE AHMAD  
ZAMBRI**

Jawatan : Pembantu Pendaftaran  
Gred Kp22(Tbbk)

Mula Bertugas : 15.08.2001 Hingga  
26.08.2018



# buletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara



TERBITAN  
Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Pendaftaran Negara